

DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-34
HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR

19 OGOS 1983

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM. ASSALAMU 'ALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

Yang Mulia Pengerusi Majlis; Timbalan Presiden; Naib-Naib Presiden; Ahli-Ahli Majlis Tertinggi; Ketua dan Wakil Parti-Parti Komponen Barisan Nasional; Dif-Dif Kehormat; Para Perwakilan dan Pemerhati; Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian. (Pendahuluan) Alhamdullillah, dengan limpah kurnia dan izin Allah Subhanahu Wataala, sekali lagi kita dapat berkumpul menghadiri Perhimpunan Agung UMNO ini. Sebagai Presiden Parti, bagi pihak Parti dan Majlis Tertinggi, saya mengucapkan selamat datang kepada tetamu-tetamu kehormat kita dan mengalu-alukan kehadiran saudara saudari sekalian di majlis yang bahagia ini. Bersama-samalah kita berdoa, semoga dengan hidayat dan petunjuk Allah Subhanahu Wataala, dapat kita menunaikan tanggungjawab kita bagi menjayakan mesyuarat ini mengikut Perlembagaan dan prinsip-prinsip Parti serta memperkukuhkan lagi perjuangan kita.

2. Dalam ucapan saya bersempena Perhimpunan Agung tahun lalu, saya telah menyentuh beberapa perkara berhubung dengan Parti dan pilihanraya, politik dan ekonomi, kependudukan dan demokrasi, hubungan luar, Dasar Pandang ke Timur, dan Islam. Reaksi terhadap ucapan saya agak begitu hangat, dan saya telah cuba sedaya upaya yang boleh untuk menjelaskan isu-isu yang telah dibangkitkan. Setelah setahun, saya percaya kali ini banyak isu pula yang akan diketengahkan oleh para perwakilan sekalian untuk dijawab. Inilah cara demokrasi yang kita amalkan di mana pemimpin-pemimpin parti dituntut menjelaskan tentang amanah dan mandat yang telah diberikan kepada mereka. Insya-Allah, Ahli-Ahli Majlis Tertinggi akan cuba menjelaskan apa-apa jua kemuskilan yang akan dibangkitkan di akhir Perhimpunan ini nanti. Saudara saudari sekalian, (Malaysia yang bahagia)

3. Sesebuah negara adalah satu organisme. Dan sebagai satu organisme, sesebuah negara mahukan kesihatan, kebahagiaan, dan usia yang panjang. Tetapi, sebagai satu organisme, sesebuah negara terdedah kepada penyakit dan menghadapi masalah yang jika tidak dirawat dan dipelihara akan menjejaskan kebahagiaan, kesihatan dan usianya.

4. Saya membuat misalan negara kita sebagai satu organisme yang mementingkan ciri-ciri kesihatan, kebahagiaan dan panjang usia kerana misalannya adalah tepat. Di sana sini, dan begitu juga daripada sejarah, kita dapat melihat peristiwa-peristiwa yang menjejaskan sesebuah negara -- peristiwa-peristiwa yang menghalang pembangunan, serta melemah, bahkan melenyapkannya. Peradaban Roma, Kerajaan Byzantium, Parsi, Turki, British, dan banyak contoh lagi yang boleh disebut adalah bukti-bukti yang menunjukkan kelenyapan peradaban dan kehancuran kerajaan-kerajaan besar di dunia. Empayar Melayu juga telah melalui sejarah yang sama; Kerajaan Sriwijaya dan Kerajaan Melaka dahulukala menjelma dari wilayah-wilayah yang kecil, berkembang dan membesar menjadi empayar dan kuasa besar, dan kemudian berpecah dan hancur dan hilang dari muka bumi. Yang lain pula telah melalui pertumbuhan yang tidak sihat dan hancur sebelum berkembang.

5. Ini semua adalah pengajaran bagi kita, dan salah satu pengajaran yang penting ialah bagaimana faktor-faktor kelemahan menular ke dalam masyarakat dan memusnahkan sesuatu kerajaan besar. Seorang tokoh terkemuka Islam, Ibn Khaldun, pernah mengutarakan teori tiga generasi bagi fenomena sosial -- generasi pertama, dengan semangat, ketegasan dan usaha membina satu asas sistem yang kukuh; generasi kedua, dengan asas-asas yang dibina, membawa kepada keagungan; dan generasi ketiga, kerana kekurangan semangat, dan ghairah dengan kesenangan dan keagungan, menyemaikan bibit-bibit ke arah kehancuran. Ini tidak semestinya benar bagi semua keadaan, tetapi jika kita kurang berhati-hati, ia tidak mustahil pula berlaku, malahan boleh berlaku kepada kita, mungkin sebelum pun kita sampai kepada generasi kedua.

6. Itulah sebabnya kita harus tekun membimbing negara kita ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan, dan sentiasa mengisi kemerdekaan kita dengan semangat, makna dan maruah, dengan usaha dan disiplin, supaya setiap generasi bangsa kita tidak akan mengalami kelemahan, atau membenarkan unsur-unsur yang tidak sihat, serta khayalan dan keghairahan

menyerapi pemikiran dan cara hidup kita. Itulah sebabnya kita harus menyemai dan memupuk nilai-nilai yang tinggi di kalangan masyarakat kita dan giat berusaha untuk kemajuan dan kebahagiaan. Usaha-usaha kita ini bukanlah kerana didorongkan oleh keangkuhan untuk menunjuk-nunjuk, atau kerana hendak menjadi satu kuasa besar untuk menakluki orang lain, tetapi untuk menjaga maruah dan kedudukan kita, dan untuk membuat sumbangan supaya hidup kita menjadi lebih bahagia, dan dapat pula sama-sama kita menyumbang ke arah kebahagiaan manusia sejagat.

7. Usaha-usaha ke arah yang baik tidak mudah. Walaupun pada prinsipnya manusia sukakan yang baik, tetapi pada amalannya, oleh sebab didorong oleh kepentingan-kepentingan tertentu, nilai yang baik dibelakangkan. Saudara saudari sekalian, (UMNO dan Demokrasi)

8. UMNO telah ditubuh berasaskan kepada satu prinsip penting, iaitu prinsip demokrasi. Semasa Kongres pertama di Kelab Sultan Sulaiman, wakil persatuan-persatuan orang Melayu yang berkumpul dengan secara automatik telah menggunakan sistem suara ramai bagi rundingan mereka walaupun jelas sistem suara ramai adalah asing bagi orang Melayu.

9. Sejak itu hinggalah sekarang tidak ada soal lagi tentang sistem demokrasi sebagai asas susunan dan perjalanan Parti. Semua yang dilakukan oleh UMNO ditentukan secara langsung, atau tidak langsung, mengikut sistem suara ramai. Demikianlah kepercayaan kepada sistem ini, hinggalah apabila merdeka, sistem pentadbiran negara juga telah diasaskan kepada demokrasi.

10. Walaupun demokrasi mempunyai berbagai tafsiran, di Malaysia kita berpegang kepada suara ramai sebagai asas demokrasi. Sebab itulah di dalam Parti kita, kita mengadakan pungutan suara untuk menggubal dan meminda Perlembagaan, untuk memilih pemimpin, dan untuk membuat keputusan berkenaan perkara-perkara yang penting dan istimewa. Pemimpin juga dipilih melalui suara ramai. Mereka tidak kekal, dan jelas dalam tempoh tertentu -- setahun, dua tahun atau tiga tahun sekali -- calon-calon dikemukakan dan dipilih melalui suara ramai.

11. Tetapi demokrasi -- sebagaimana apa juga sistem -- tidak semestinya berkesan semata-mata kerana sistem itu baik. Jika pengamal sistem demokrasi mahu mereka boleh menggunakan demokrasi untuk menghancurkan amalan demokrasi. Sebab itulah kita lihat banyak negara demokratik di dunia yang gagal. Jika umpamanya demokrasi menyebabkan terlalu banyak parti politik ditubuh, hingga tidak satu pun daripadanya menjadi parti yang bertaraf nasional, maka pilihanraya tidak akan berjaya menentukan sebuah parti yang cukup besar bilangan wakilnya untuk membentuk Kerajaan. Kerajaan campuran pun sukar dibentuk kerana parti-parti yang sama kecil tidak sanggup menerima kepimpinan sesiapa juga di antara mereka. Jika Kerajaan campuran berjaya dibentuk, ia tidak mungkin stabil kerana tidak ada disiplin, dan ugutan-ugutan sering dibuat untuk menarik diri dan sebagainya. Kesannya ialah Kerajaan yang lemah yang sekejap-sekejap bertukar.

12. Kadang-kadang sistem dua parti wujud. Tetapi, ini pun tidak menjamin kestabilan. Jika bilangan wakil rakyat hampir sama banyak antara kedua-duanya, parti yang membentuk Kerajaan enggan bertindak tegas dalam apa-apa perkara penting atau "controversial" kerana takut penyokong memberontak dan Kerajaan jatuh atau parti akan kalah dalam pilihanraya yang akan datang. Dalam keadaan ini, masalah-masalah negara tidak mungkin diatasi, dan negara tetap akan hanyut.

13. Demokrasi cuma akan kekal dan kuat jika pengamalnya memahami peranan mereka, dan mengawal kepentingan diri untuk menjayakan kepentingan ramai dan memelihara demokrasi. Bagi yang faham, kepentingan ramai adalah kepentingan bersama yang akhirnya memenuhi kepentingan diri juga. Jadi, seseorang tidak akan rugi jika kepentingan ramai diutamakan -- sekadar mengutamakan kepentingan diri, biasanya mendatangkan keuntungan serta-merta tetapi tidak kekal, dan mengutamakan kepentingan ramai, walaupun memerlukan pengorbanan, tetap akan membawa hasil jangka panjang.

14. Dalam UMNO, dan di kalangan orang Melayu amnya, terdapat terlalu banyak yang mengutamakan hasil jangka pendek. Sebab itu, amalan-amalan yang melemahkan Parti dan perjuangan orang Melayu kerap berlaku. Di antara amalan-amalan ini ialah tabiat melempar fitnah. Saudara saudara sekalian, (Bahaya Fitnah)

15. Fitnah memfitnah adalah satu sifat yang keji di kalangan semua masyarakat manusia. Dalam Islam ia merupakan salah satu daripada dosa besar. Malangnya, sifat keji ini berleluasa di kalangan masyarakat kita. Ia juga menjadi tabiat setengah-setengah ahli dan penyokong UMNO.

16. Sebelum seseorang masuk bertanding untuk apa-apa jawatan, tidak ada keburukan padanya. Tetapi, apabila sahaja ia dicalonkan, maka bermacam-macam cerita dialunkan, cerita yang dibisik-bisik tanpa menghiraukan sama ada cerita itu benar atau tidak. Dari satu mulut ke satu mulut, cerita-cerita itu bukan sahaja disebar, tetapi ditokok tambah. Kalau sudah berkahwin, kononnya telah kahwin satu dua lagi, serta dengan cerita yang cukup detail. Kalau rasuah, angka yang terlibat pula ditokok tambah, sehingga tidak ada hadnya. Bermacam-macam cerita dicipta dengan penuh imaginasi.

17. Pada satu masa, seorang Menteri yang amat kurus telah bertanding. Maka terdengarlah cerita bahawa Menteri ini telah berkahwin seorang lagi. Hari ini Menteri itu telah bersara dan tidak ada cerita lagi. Bahkan kita tahu cerita itu tidak benar. Begitu juga dengan seorang Menteri lain dari negeri Hang Tuah. Bermacam risalah diedar. Tetapi hari ini kita tahu cerita-cerita yang menarik itu tidak benar sama sekali. Banyak lagi contoh yang boleh saya sebutkan dan saudara saudari akan ketawa. Walaupun kita tahu bahawa cerita-cerita dahulu adalah fitnah belaka, tetapi kalau ada cerita baru, kita tidak menolak. Kita terima bulat-bulat dan kita turut mengedarkannya juga.

18. Demikianlah, tiap kali ada sesiapa yang ingin maju ke hadapan, atau sudah mencapai tempat yang istimewa, maka fitnah dilempar dari mulut ke mulut. Hari ini, cerita Jepun dan Korea menyogok duit kepada orang-orang tertentu amat popular. Bahawa tidak ada apa-apa bukti yang ini berlaku tidak menjadi masalah. Fitnah amat sedap apabila orang lain jadi sasaran. Benar atau tidak, tidak mengapa. Lemparkan sahaja, dan sembunyikan tangan.

19. Fitnah dicipta dan disebar dengan lebih cepat apabila seseorang gagal mendapat sesuatu untuk dirinya. Jika gagal mendapat kontrak misalnya, maka sebab yang ditonjolkan ialah kerana orang yang berjaya telah menyogok wang kepada orang yang membuat keputusan. Yang berjaya pula, jika gagal mendapat kontrak yang lain, dia juga tidak segan-segan menuduh rasuah telah dilakukan oleh orang yang berjaya.

Walau siapa juga berjaya, tuduhan rasuah tetap dibuat, terutama terhadap orang yang memenuhi jawatan yang tertinggi.

20. Fitnah bukanlah terhad kepada tohmahan rasuah. Untuk memburukkan orang lain bermacam fitnah dilempar, termasuk telah berkahwin sekali lagi, atau mempunyai simpanan, selalu minum arak, suka mengejar isteri orang dan lain-lain. Beberapa penuntut kita di Eropah dan Amerika suka melempar fitnah terhadap Kerajaan yang kononnya dianggotai oleh orang yang selalu mabuk, tahi arak dan sebagainya. Apabila tuduhan ini dilempar, gambaran yang diukirkan ialah anggota Kerajaan ini sepanjang masa, kata orang Kedah, "mabuk tunggang-langgang". Malahan, mereka sanggup memanggil Kerajaan ini Kerajaan syaitan, iaitu sama dengan Kerajaan Shah Iran.

21. Allah Subhanahu Wataala Maha Mengetahui. Allah Subhanahu Wataala telah berfirman dalam Al-Quran bahawa fitnah adalah lebih bahaya daripada membunuh. Tetapi, apakah kita hiraukan firman Tuhan. Berapa ramai daripada kita yang dengan sewenang-wenang mengulangi cerita yang didengari dari mulut ke mulut, dengan ditokok tambah, tanpa sedikit pun berasa bersalah atau berdosa. Kita teruskan sahaja dengan fitnah kerana begitu asyik dengan kelazatan amalan ini.

22. Kerana merbahayanya fitnah, dan kerana amalannya boleh merosakkan masyarakat, maka ia ditakrif sebagai dosa besar. Kita tahu tentang cerita fitnah yang telah dilempar terhadap seorang isteri Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam dan kesannya terhadap baginda, keluarga dan masyarakat Islam ketika itu. Jika tidak kerana kepimpinan Nabi kita tentulah masyarakat Islam dan agama Islam ketika itu akan lumpuh. Mungkin juga agama Islam tidak akan berkembang dan kita tidak akan memeluk agama Islam. Sebenarnya ini semua adalah pengajaran. Tetapi, sebagai orang Islam, adakah kita mengambil pengajaran ini?

23. Saya menumpukan perhatian kepada soal fitnah memfitnah ini kerana kesannya amat buruk dalam sesebuah negara demokratik. Dalam negara demokratik, kuasa datangnya daripada sokongan orang ramai. Melalui fitnah, kepercayaan rakyat terhadap dasar dan kepimpinan dapat dimusnahkan, dan masyarakat, malah negara, boleh hancur. Asyik dengan mendengar dan membisik fitnah dan menyebarkan risalah, tidak ada satu pun rancangan yang boleh berjaya, dan akhirnya

rakyat sendiri yang akan menderita, dan mungkin negara akan tergadai. Tetapi, dalam masyarakat Islam di Malaysia fitnah dijadikan alat politik, bukan sahaja dalam parti kita tetapi oleh parti lawan yang tidak ada modal yang benar.

24. Firman Tuhan bertujuan memberi kebahagiaan kepada umatnya. Kita tahu bahawa masyarakat boleh hancur kerana fitnah. Sementara semakin ramai suka mempamerkan keislaman mereka dalam cakap-cakap, pakaian dan desakan mereka kepada masyarakat dan kepada Kerajaan, orang yang sama tidak segan-segan dan tidak takut kepada Tuhan sama sekali apabila melemparkan fitnah. Tanda tanya yang timbul ialah sama ada kita sedang melihat kebangkitan Islam semula, atau apa yang sedang berlaku ialah semata-mata dan sebenarnya umat Islam adalah lebih sesat sekarang daripada dahulu. Jika nasib umat Islam diambil kira, kemungkinannya ialah mereka lebih sesat. Adalah mustahil jika ajaran Islam dipatuhi umat Islam semakin buruk keadaannya -- dengan pembunuhan dilakukan sesama sendiri, dengan penerusan penjajahan oleh orang lain, dengan kebuluran berlaku di beberapa negara Islam sedangkan banyak negara Islam yang tidak terhingga kekayaannya, dan lain-lain lagi peristiwa-peristiwa buruk yang diperlihatkan sekarang.

25. Saya tidak berkata bahawa semua tuduhan rasuah tidak mempunyai asas yang benar. Memang rasuah berlaku dalam negara kita ini. Tetapi, tuduhan yang dibuat kerana ada bukti dan diarahkan kepada badan yang ditugaskan untuk membanteras rasuah, iaitu BPR, adalah berbeza dengan fitnah yang dilepaskan dan disebar di merata-rata tempat kerana iri hati dan ingin memburukkan orang. Memang kita tahu bahawa adalah sukar bagi mendapat bukti berkenaan amalan rasuah, tetapi semua tuduhan yang munasabah disiasat oleh BPR. Hampir semua daripada tohmahan yang disampaikan kepada Kerajaan diberi layanan yang serius walaupun kebanyakan daripada tohmahan ini akhirnya didapati tidak berasas.

26. Memang benar terjadi rasuah yang tidak dapat diambil tindakan undang-undang walaupun memang berlaku. Dalam kes-kes seperti ini tindakan disiplin, termasuk penyingkiran, dilakukan. Bagi ahli politik pula, jika Kerajaan tidak mengambil tindakan, ahli parti atau pengundi boleh mengambil tindakan. Tetapi, kita tahu bahawa tuduhan rasuah mudah diguna oleh musuh politik untuk mendapat sesuatu bagi diri mereka, sama ada dalam parti atau antara parti.

27. Oleh itu, kita harus berhati-hati. Amatlah tidak adil Amatlah tidak adil jika tindakan diambil oleh parti, atau Kerajaan, atau pengundi semata-mata berasaskan fitnah yang dilempar. Kita tahu 99 peratus daripada tuduhan yang dibuat oleh orang ramai tidak berasaskan pengetahuan sendiri, tetapi semata-mata berasaskan cerita yang sampai ke telinga mereka. Kita tahu pula bahawa memang menjadi tabiat manusia menokok tambah cerita yang didengari apabila disampaikan kepada orang lain. Kita tahu 99 peratus daripada cerita rasuah sampai kepada kita bukan "second-hand" atau "third-hand" tetapi setelah melalui telinga dan mulut berpuluh orang lain. Dan tiap-tiap seorang bercerita seolah-olah dialah yang mula-mula mendapat maklumat berkenaan dengan rasuah itu.

28. Fitnah-memfitnah adalah amalan keji yang buruk kesannya. Ia tidak harus dibiarkan menjadi tabiat dan amalan masyarakat kita yang mahukan kebahagiaan. Ia harus dibanteras, dan UMNO, sebagai teras pembimbing masa depan negara yang bahagia harus mengikiskannya daripada masyarakat kita. Saudara saudari sekalian, (Dunia yang bergolak)

29. Kita berada dalam suasana dunia yang bergolak. Walaupun pencapaian kemajuan material, sains dan teknologi dalam abad kita ini amat menakjubkan, dan kemungkinan pencapaian ini boleh membawa umat manusia kepada kebahagiaan yang begitu besar, suasana politik dan sosio-ekonomi dunia mencabar kemungkinan peradaban gemilang yang boleh dinikmati oleh umat manusia.

30. Penaklukan dan campur tangan, sama ada secara politik, ideologi, atau ekonomi masih menjadi hasrat dan idaman kuasa-kuasa besar. Mereka masih ghairah bermain politik-kuasa tanpa menghiraukan hasrat sebahagian besar masyarakat antarabangsa untuk hidup aman dan bahagia. Mereka masih menjadi dalang kepada boneka-boneka mereka. Yang menjadi boneka pula, seperti Israel, telah menunjukkan keangkuhan dan biadabnya di kalangan negara-negara lemah tanpa sesuatu pun yang dibuat dengan serius oleh pihak negara-negara besar untuk menghalangnya.

31. Keadaan di rantau kita masih tegang kerana Vietnam masih menduduki Kampuchea, dan dari semasa ke semasa mengganggu dan mencabuli sempadan sahabat kita negara Thai. Dalangnya juga kuasa besar -- Russia, yang dengan tipu helah, telah secara langsung menduduki dan mencabuli negara

Afghanistan, sebuah negara Islam. Russia juga, setelah bertapak di Vietnam dan Afghanistan, dengan terang-terang menyuarakan hasratnya untuk menghancurkan infrastruktur negara-negara ASEAN. Di kebanyakan negara membangun, kecuali beberapa negara termasuk Malaysia, kebuluran berlaku dan ramai yang dilanda berbagai-bagai wabak penyakit dan hidup menderita. Di sana sini Kerajaan tumbang dan jatuh kerana negara tidak dapat mengatasi masalah-masalah rakyat akibat pergolakan politik dan ekonomi antarabangsa dan cucuk mencucuk oleh kuasa-kuasa yang ingin mewujudkan blok-blok mereka melalui keadaan kucar-kacir.

32. Suasana keselamatan, khususnya bagi negara-negara kecil, masih terancam. Bagi kita di Malaysia, keadaan keselamatan serantau dan pergolakan di peringkat antarabangsa membawa kebimbangan kepada kita. Ini lebih-lebih lagi kerana sikap setengah-setengah pihak yang, secara sedar atau tidak sedar, mengelirukan fikiran rakyat dan menyemaikan kegelisahan dan kemarahan rakyat kepada perkara-perkara yang tidak berasas. Keadaan seperti ini adalah satu keadaan yang subur bagi anasir-anasir komunis dan antinasional untuk cuba menghancurkan negara.

Saudara saudari sekalian, (Kemelesetan Ekonomi)

33. Tahun 1982 memperlihatkan kemerosotan ekonomi dunia yang teruk. Sebagai pembekal bahan mentah kepada dunia, kita terperangkap dengan aliran ekonomi yang buruk ini. Harga bijih timah, getah, kelapa sawit, kayu tropika, dan lain-lain keluaran negara kita, telah mengalami kemerosotan harga dan permintaan. Harga minyak petrol kita juga turut merosot. Dengan ini maka pendapatan Kerajaan juga berkurangan. Walaupun keadaan nampaknya akan pulih tetapi kesan pemulihan tidak akan dirasai dengan serta-merta.

34. Beberapa negara yang telah berhutang dengan banyak pada waktu mereka kaya dengan hasil petroleum sekarang ini hampir bankrap. Kita bernasib baik kerana kita tidak boros berbelanja. Sebaliknya, pada waktu kita mendapat hasil yang lumayan daripada dagangan kita, kita cuma berhutang untuk membekalkan infrastruktur penting sahaja. Oleh itu, kita bukan sahaja terselamat daripada menjadi bankrap, tetapi kita masih dapat berhutang untuk membiayai projek-projek negara yang penting dan perlu dimulakan atau diteruskan. Namun demikian, tentulah banyak juga projek yang dirancang pada waktu kita berpendapatan tinggi dahulu yang terpaksa kita tangguhkan.

35. Berjimat cermat bukan sahaja menjadi suatu amalan yang baik bagi seseorang individu, tetapi adalah baik untuk masyarakat dan untuk sesebuah negara. Pada masa kita berada, kita boleh berbelanja dengan berpatutan, tetapi pada waktu kita daif, kita mesti menerima kenyataan bahawa perbelanjaan mesti dikurangkan. Inilah cara yang selamat bagi semua orang.

36. Apakah sebabnya ekonomi dunia merosot? Ada yang berpendapat bahawa kemerosotan ini disebabkan oleh kenaikan harga minyak. Ini adalah satu fitnah dan tipu helah. Kenaikan harga minyak telah membawa nikmat, bukan sahaja kepada negara pengeluar dan rakyat mereka yang dahulu ditipu dengan pembayaran royalti 20 sen setong, tetapi juga kepada negara dan rakyat negara maju yang begitu gelojoh menggunakan minyak dahulu. Negara-negara maju telah sedar akan pentingnya mengurangkan penggunaan minyak, satu bahan yang tidak dapat diganti. Dengan ini, maka hari ini penggunaan minyak telah dikurangkan sebanyak 25 peratus, dan bahan-bahan gantian telah dicipta yang boleh membawa lebih banyak nikmat kepada mereka.

37. Yang betul-betul menderita ialah negara-negara membangun yang tidak mempunyai minyak sendiri dan yang kemampuannya terhad. Malaysia patut bersyukur kerana, walaupun kita juga sebuah negara membangun, kita mempunyai berbagai-bagai bahan mentah dan minyak yang cukup, bahkan boleh dijual dan menambah pendapatan kita.

38. Kemerosotan ekonomi dunia sebenarnya disebabkan oleh tabiat malas yang meresapi masyarakat negara-negara maju di Barat akhir-akhir ini. Mereka sekarang ingin bersenang-senang tanpa berusaha. Oleh kerana itu, segala pengeluaran mereka berharga tinggi, bukan sahaja di luar negara mereka, tetapi juga di dalam negara mereka sendiri. Apabila mereka dapati barang buatan negara membangun dan beberapa negara Timur dapat mengalahkan barang mereka di pasaran mereka sendiri, mereka yang dahulunya menyanjung tinggi dasar perdagangan bebas telah menutup pasaran mereka. Dengan itu, maka pemasaran semua barang, termasuklah bahan mentah, telah merosot.

39. Satu lagi tindakan yang dibuat oleh pemerintahan negara-negara Barat ialah meminjam beratus ribu juta daripada pasaran wang untuk alat-alat perang. Dengan itu maka kadar faedah bank telah meningkat sehingga pada satu masa ke paras 22 peratus. Faedah yang tinggi menghalang

perkembangan perdagangan dan pelaburan. Mereka yang mempunyai wang lebih suka menyimpannya untuk mendapat faedah tinggi dari bank daripada dibelanjakan untuk membeli barang-barang atau melabur. Dengan itu, permintaan untuk barang-barang dan harga barang-barang pun merosot.

40. Jelaslah, bukan harga minyak yang menjadi masalah, tetapi keengganan bekerja dan tindakan negara Barat yang menyebabkan kemerosotan ekonomi. Sebenarnya, pada waktu harga minyak melambung tinggi antara tahun 1975 hingga 1980, getah, bijih, kelapa sawit, balak dan barang-barang lain, walaupun harga lebih tinggi daripada sekarang, amat laris dijual. Pada masa itu juga negara maju terus pesat kemajuannya.

41. Kita harus memahami semua ini kerana kita tidak mahu kita juga terperangkap. Barat memang berminat supaya daya pengeluaran kita dikurangkan. Pada zaman kolonial, mereka berkuasa menyekat perkembangan industri di Malaysia dan di negara-negara lain yang dijajah oleh mereka. Sekarang, kerana empayar Barat sudah diganti dengan negara yang merdeka, mereka menggunakan badan-badan sekerja antarabangsa untuk menentukan perusahaan kita diganggu oleh tindakan pekerja. Banyak kunci mereka terdapat di Malaysia umpamanya, yang mengambil kesempatan daripada beberapa kelemahan yang ada pada pekerja kita untuk menyekat perkembangan perusahaan dan efisiensi. Sebab itulah kita dengar penentangan terhadap dasar-dasar seperti Pandang ke Timur, Penswastaan, Persyarikatan Malaysia dan lain-lain yang bertujuan untuk membolehkan Malaysia bersaing dalam pasaran dunia dengan barang-barang buatan Malaysia.

42. Sesungguhnya, pada waktu kita kekurangan wang, tidak ada tindakan yang lebih berkesan daripada mengikat perut dan bekerja lebih kuat. Ini sememangnya dituntut oleh agama kita. Insya-Allah, melalui tindakan ini, kemewahan akan kembali semula, dan sekali lagi kita akan hidup bahagia. Dato Pengerusi, (Pandang ke Timur)

44. Kita telah menggubal satu dasar yang dikenalkan sebagai "Pandang ke Timur". Seperti yang biasa berlaku dengan perkara yang baru, kekeliruan dan salah faham telah wujud atau sengaja diadakan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi menjelaskan tentang Dasar Pandang ke Timur ini.

45. Sejak Portugis menawan Melaka, orang Malaysia, terutamanya orang Melayu, telah mengalami satu jenis rasa rendah diri. Apa yang ada pada mereka semuanya dianggap "inferior" daripada apa yang diperbuat oleh Benggali Putih dan penjajah-penjajah Barat yang datang kemudian. Cuma apabila Jepun mengalahkan British barulah sebahagian daripada rasa malu dan hina diri atau "inferiority complex" ini dapat diatasi. Tetapi, masih banyak yang terus tercengang dan terpegun dengan orang kulit putih. Amalan menghantar penuntut ke negara-negara Barat tidak menolong mengurangkan "inferiority complex" ini.

46. Malangnya, orang Barat sekarang bukan seperti orang Barat pada zaman mereka menakluki dunia dahulu. Mereka sudah menukar falsafah hidup sehingga seseorang dapat membuat apa sahaja yang didorong oleh kepentingan atau keseronokan diri tanpa mengambil kira ketenteraman masyarakat. Kalau mereka ingin berbogel di khalayak ramai, ini adalah dianggap hak dan tiada siapa pun yang patut atau boleh melarang. Jika mereka ingin kahwin, atau bersekedudukan -- hatta lelaki sesama lelaki, atau perempuan sesama perempuan pun -- ini pun hak mereka. Orang yang gila pun sekarang berhak bebas walaupun mereka cenderung membunuh dan telah membunuh. Pekerja mereka boleh bekerja jika mereka suka bekerja, tetapi jika tidak bekerja, majikan atau pemerintah mestilah membiayai sara hidup mereka sama seperti pada waktu mereka bekerja. Dengan itu ramai yang memilih untuk tidak bekerja.

47. Penyalahgunaan dadah berleluasa di Barat kerana itu pun hak mereka juga. Mereka suka khayalan yang dibawa oleh dadah. Dan banyak lagi amalan yang buruk yang diamalkan oleh mereka dengan berdalih kepada hak asasi seseorang. Mereka kurang mementingkan apa akibat kepada masyarakat dan generasi mereka yang akan datang.

48. Memandang kepada gejala-gejala inilah maka Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengurangkan pengaruh Barat dan meningkatkan pengaruh Timur supaya satu perseimbangan tercapai. Di Timur, sifat dan amalan yang dianggap baik oleh masyarakat kita dan memang membawa kesan yang baik masih tebal jika dibandingkan dengan di Barat. Orang Timur masih mementingkan hidup beradab dan beradab. Mereka masih mengutamakan kesejahteraan masyarakat. Sementara individu berhak, tetapi hak individu tidaklah sehingga dibenarkan mengganggu ketenteraman masyarakat -- berbogel, bersekedudukan, membelakangkan adat resam, menyalahgunakan

dadah dan malas bekerja tidak diterima oleh masyarakat Timur. Sebaliknya, bersopan-santun, ketertiban, menghormati kepentingan masyarakat dan keluarga, beradat resam dan kerajinan disanjung tinggi dan diamatkan. Oleh kerana semua ini adalah nilai-nilai yang baik maka hasilnya juga adalah baik. Masyarakat di beberapa negara Timur lebih tenteram dan maju sekarang daripada masyarakat Barat.

49. Mungkin ada yang akan bertanya: "Apakah pentingnya kemajuan di dunia? Tidak memadaikah jika kita utamakan kebahagiaan di akhirat sahaja?" Jawabannya ialah bagi kebanyakan orang kebahagiaan di akhirat sukar dicapai tanpa kebahagiaan di dunia. Kita dapati ramai orang Islam yang telah meninggalkan agama Islam kerana kemiskinan, kerana dijajah dan diperintah oleh orang, kerana kecewa dan lain-lain. Kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran. Mereka yang hari ini kononnya dapat menumpukan semata-mata kepada akhirat cuma dapat berbuat demikian kerana perlindungan yang diberi oleh orang Islam lain yang mengimbangkan dunia dengan akhirat. Kerana ada orang yang sanggup menjaga keamanan dan pembiayaan usaha ini oleh orang yang rajin bekerja dan berusaha di dunia maka kumpulan yang mementingkan kedudukan mereka di akhirat dapat membuat amal ibadat dengan sempurna.

50. Berkenaan dengan desakan supaya rajin bekerja tujuannya ialah supaya masyarakat menjadi lebih bahagia dan tenteram. Tiap-tiap seorang mestilah sedar bahawa pada zaman moden ini ia dapat mencari nafkah kerana masyarakat menyediakan kemudahan baginya. Pada asalnya, pada zaman purba, tiap-tiap seorang mestilah memburu atau bercucuk tanam sendiri. Jika usaha sendiri tidak ada maka ia akan mati kebuluran. Tetapi, pada zaman ini seorang mekanik yang tidak tahu memburu, menternak atau bercucuk tanam masih dapat hidup kerana ada orang lain yang akan menjual makanan kepadanya. Sebagai mekanik ia pula tidak akan ada pendapatan jika tidak ada orang lain mengeluarkan jentera, menjual, memiliki dan merosakkan jentera itu. Untuk mengadakan jentera, berbagai-bagai jenis bahan perlu dicarigali, dikeluarkan, dipindah dari satu negara ke satu negara, dilebur, dibentuk, dipasang dan dijual. Untuk membeli jentera yang dipasarkan ini, seseorang perlu bekerja dan mempunyai pendapatan yang cukup. Untuk memperbaikinya pula, pemilik jentera memerlukan wang yang cukup untuk bayaran kepada mekanik tadi, yang juga telah dilatih oleh mekanik lain.

51. Saya cuba menggambarkan di sini betapa tiap-tiap seorang di dalam masyarakat moden bergantung kepada beribu-ribu orang lain di dalam masyarakatnya dan juga kepada masyarakat-masyarakat yang lain. Tidak ada seorang pun yang dapat hidup di dunia secara berasingan jika ia inginkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Menyedari hakikat ini, tentulah kita sedar bahawa lebih banyak usaha tiap-tiap seorang daripada kita, lebih baiklah balasan kebahagiaan yang akan kita dapati. Sebaliknya, masyarakat yang anggotanya cuma mengutamakan kepentingan diri sendiri di dunia atau di akhirat dan mengurangkan layanan dan sumbangannya kepada masyarakat, maka masyarakat itu akan menjadi masyarakat yang lemah dan kucar-kacir, dan setiap ahli masyarakat itu tidak akan hidup atau mati sempurna dan terpelihara. Tentulah jelas pepatah "membuat baik dibalas baik" memang berasas dan sesuai setiap masa dan bagi setiap masyarakat.

52. Peranan organisasi dalam masyarakat adalah sama dengan peranan individu. Pentadbiran atau perusahaan/perniagaan adalah sama daripada segi kesannya terhadap masyarakat dan diri sendiri. Galakan yang diberi supaya diadakan perusahaan dan perniagaan bukanlah kerana keutamaan kepada keuntungan bagi pemilik syarikat-syarikat berkenaan, tetapi adalah kerana kegiatan perdagangan mewujudkan peluang kerja dan peluang perniagaan sampingan. Bagi setiap kilang yang diadakan, banyak penganggur akan mendapat kerja, banyak pembekal dan peniaga kecil akan dapat menumpang mencari nafkah, dan banyak pula cukai dapat dipungut. Jika difikir dengan mendalam, hampir setiap orang dalam negara akan merasai nikmat daripada kejayaan perdagangan yang diusahakan. Lebih untung perdagangan tersebut, maka lebih banyak hasil yang akan diperolehi oleh Kerajaan melalui cukai atas keuntungan dan bermacam-macam cukai lain. Sepertimana kita semua maklum, hasil yang dipungut oleh pemerintah adalah untuk membiayai keperluan rakyat melalui pembinaan infrastruktur, melalui kemudahan dan perkhidmatan pelajaran dan kesihatan, pengawalan keselamatan dan sudah tentu untuk berbagai-bagai jenis subsidi.

53. Sekali lagi, tentulah jelas lebih banyak perusahaan dan perniagaan diadakan dan lebih banyak keuntungan yang didapati oleh mereka, lebih bahagialah kehidupan rakyat. Sebaliknya, jika apa-apa perusahaan atau perniagaan rugi kerana apa-apa sebab, maka rakyatlah yang akan menanggung kerugian itu akhirnya.

54. Desakan Kerajaan supaya diadakan rancangan perindustrian dan dikembangkan perniagaan, khususnya untuk penyertaan bumiputera, ialah supaya mereka melatihkan diri dalam bidang pengurusan dan seribu satu kegiatan lagi yang ada kaitan dengan ekonomi. Desakan supaya pekerja rajin bekerja, penuntut rajin belajar, supaya semua jujur, bertanggungjawab dan beramanah bukanlah kerana taksub dengan kebendaan, tetapi kerana semua sifat-sifat ini ada pertalian secara langsung dengan kebahagiaan hidup dan mati kita semua. Jikalau terdapat amalan yang tidak baik dalam semua ini, ini bukanlah kerana bidang-bidang ini sebenarnya tidak baik, tetapi kerana pengamalannya sengaja membuat perkara yang tidak baik.

55. Di Malaysia, kita bukan sahaja berlumba antara kaum, tetapi berlumba dengan negara-negara jiran kita, dan negara-negara lain di dunia. Tidak syak lagi bahawa pengasingan diri kita daripada kegiatan ekonomi akan melemahkan kita daripada segi ketahanan dan kebahagiaan hidup -- bahkan daripada segi kekuatan iman. Hari ini pun sudah ramai orang Islam yang menolak agama mereka kerana tekanan kemiskinan, ideologi komunis atau kerana ditakluk dan ditindas oleh orang lain. Jika kita tidak mahu bekerja kuat dan tekun belajar, jika kita tidak jujur dan beramanah, maka kita juga akan mengalami nasib yang sama -- semoga Allah Subhanahu Wataala melindungi kita daripada kecelakaan ini.

56. Sekali lagi saya ulangi desakan Kerajaan supaya kita Pandang ke Timur dan bekerja kuat, dan berusaha untuk menambah pendapatan bukanlah kerana taksub dengan kebendaan, tetapi kerana kebahagiaan hidup individu dan masyarakat, dan keteguhan iman. Kita harus faham dasar dan usaha Kerajaan, kerana tanpa fahaman yang menyeluruh, amat mudahlah mereka yang mempunyai muslihat memutar belitkan segala-gala yang diusahakan oleh Kerajaan, supaya mereka dapat menarik perhatian dan sokongan rakyat. Bagi mereka ini, kucar kacir, pecah belah dan lumpuhnya masyarakat Melayu dan Islam adalah korban yang ringan asalkan mereka mendapat sesuatu di dunia ini bagi diri mereka. Sebagai Parti yang bertanggungjawab UMNO tidak boleh membiarkan nafsu mereka ini menghancurkan peluang keemasan yang setelah 500 tahun kita dijajah, telah kembali kepada kita, peluang yang datang kerana kita merdeka dan menguasai, dengan izin Allah Subhanahu Wataala, nasib kita sendiri. Inilah masanya bagi orang Melayu mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka. Jika peluang ini kita sia-siakan tidak

mungkin kita mendapat peluang seperti ini lagi. Kita tentu tidak mahu menjadi seperti setengah-setengah orang Islam yang diberi nikmat yang tidak terhingga oleh Allah Subhanahu Wataala, tetapi mereka menghabiskan masa, tenaga dan kekayaan untuk bertelingkah sesama sendiri. Sekarang dengan jatuhnya harga minyak peluang untuk membebaskan diri daripada tekanan orang asing sudah pun hilang. Sekali lagi mereka terpaksa mengikut telunjuk komunis dan kuasa-kuasa Barat. Inilah yang akan berlaku kepada kita jika kita menggunakan peluang yang terdapat hari ini dengan melayan mereka yang tidak bertanggungjawab. Tuan-tuan dan puan-puan, (Daya Pengeluaran)

57. Sebagai sebuah negara membangun yang inginkan kebahagiaan dan kemakmuran, dan dalam dunia yang semakin sempit di mana negara-negara terpaksa bergantung antara satu sama lain, terutama daripada segi ekonomi, kita tidak ada jalan lain untuk menuju kepada kejayaan melainkan dengan menjual beli di pasaran dunia. Dalam perdagangan antarabangsa, faktor utama yang akan menentukan jaya atau gagalannya kita ialah daya pengeluaran tiap-tiap seorang daripada kita.

58. Memang senang untuk memperkatakan tentang daya pengeluaran. Tetapi, untuk membawa negara dari satu tahap daya pengeluaran yang rendah kepada satu tahap yang lebih tinggi bergantung pula kepada beberapa faktor penting. Faktor pertama dan utama ialah sikap. Selagi kita utamakan kepentingan jangka pendek diri sendiri, dan oleh itu kita tidak bekerja keras, di samping kita menuntut pendapatan yang tinggi, selama itulah daya pengeluaran kita akan kekal rendah berbanding dengan mereka yang bersaing dengan kita. Akibatnya ialah kita tidak akan dapat menembusi pasaran, hasil perdagangan tidak akan meningkat, negara tidak akan makmur, dan akhirnya, iaitu dalam jangka panjang, kita sendiri tidak akan dapat pendapatan yang lebih. Sebaliknya, jika daya pengeluaran adalah tinggi, maka kos pengeluaran akan menjadi rendah dan barangan kita akan dapat bersaing dengan lebih berjaya. Hasil kejayaan ini tentulah pertumbuhan ekonomi yang pesat yang akan membawa keuntungan kepada semua pihak termasuk diri kita sendiri. Adalah jelas bahawa sikap rajin bekerja, berdisiplin, tidak taksud dengan kepentingan jangka pendek adalah amat penting bagi diri sendiri akhirnya .

59. Disiplin juga tidak kurang pentingnya. Mereka yang berdisiplin sahaja -- iaitu yang dapat mengawal kehendak diri dan sanggup mengikut peraturan dan arahan -- yang dapat membuat sumbangan kepada daya pengeluaran. Di samping itu, minat dan kesanggupan untuk menggunakan pengetahuan-pengetahuan baru, untuk meningkatkan kemahiran dan menggunakan teknologi dan cara-cara yang lebih berkesan, boleh membantu meningkatkan lagi daya pengeluaran kita. Seterusnya, kesanggupan dan minat untuk bekerjasama akan menjamin pencapaian yang lebih tinggi bagi semua. Ini semua adalah amat penting, kerana kita hidup dalam zaman moden yang menghendaki kita berlumba dengan orang-orang lain, kaum-kaum lain dan bangsa-bangsa lain dalam mengejar kejayaan dan kebahagiaan hidup.

60. Itulah sebabnya Kerajaan menganjurkan supaya kita semua mengamalkan etika kerja yang baik. Yang dimaksudkan dengan etika kerja ialah semangat dan cara bekerja yang diasaskan kepada nilai moral yang tinggi dan membelakangkan nafsu. Upah untuk kerja memang penting, tetapi bekerja semata-mata kerana upah akan menjadikan kita sebagai hamba upahan.

61. Kerajaan sedang berusaha meningkatkan daya pengeluaran dan memupuk nilai kerja yang baik dengan berbagai-bagai cara. Usaha-usaha ini bukanlah usaha-usaha yang mudah, malah ia mungkin tidak akan berjaya tanpa kerjasama semua pihak dan setiap individu. UMNO, sebagai parti yang menjadi tunjang kepada Kerajaan, mestilah bersama-sama mendukung cita-cita ini dan menggerakkan jenteranya bagi menjayakan cita-cita ini. Yang kita lakukan ialah untuk menjayakan prinsip bersih, cekap dan amanah yang mana kepimpinan melalui teladan adalah cara yang mustajab sekali. Saudara saudara sekalian, (Persyarikatan Malaysia)

62. Sebagaimana saudara saudara maklum, baru-baru ini saya telah mengemukakan konsep Persyarikatan Malaysia sebagai salah satu pendekatan dan juga dasar bagi mempertingkatkan lagi kemampuan kita untuk menuju ke arah kemakmuran yang lebih bermakna. Yang dimaksudkan dengan Persyarikatan Malaysia ialah satu semangat kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta.

63. Sesebuah negara tidak menjadi maju dan makmur semata-mata kerana adanya pentadbiran walau bagaimana cekap sekalipun. Kemajuan dan pertumbuhan negara bergantung kepada ekonomi yang maju, iaitu kepada segala kegiatan berniaga dan berusaha di semua peringkat. Daripada

keuntungan perniagaan dan perusahaan inilah maka Kerajaan mendapat hasil. Juga, setiap sen yang didapati oleh peniaga dan pengusaha akan dibelanjakan, sama ada untuk membeli barang, membayar gaji atau melabur. Dan setiap kali perbelanjaan dibuat ada orang lain yang akan mendapat wang yang dibelanjakan ini. Tentulah jelas bahawa pihak swasta yang cergas dan pintar akan membawa kemakmuran dan kemajuan kepada sesebuah negara. Oleh itu, tidak ada sebab kenapa pihak swasta harus dianggap sebagai musuh pentadbiran. Jika mereka menyalahi undang-undang atau dasar tindakan yang sewajarnya boleh diambil. Tetapi, umumnya mereka bukan musuh, sebaliknya mereka adalah rakan dalam usaha membangunkan negara. Anggapan bahawa pihak swasta adalah rakan perkongsian Kerajaan, dan oleh itu perlu dilayan dan dibantu oleh pentadbir, akan menjadikan negara seolah-olah sebuah syarikat di mana Kerajaan dan swasta menjadi pemilik dan mempunyai matlamat yang sama, iaitu pembangunan negara. Inilah yang dimaksudkan dengan Persyarikatan Malaysia . Saudara saudari sekalian, (Pembangunan Seimbang)

64. Pembangunan adalah untuk manusia. Pembangunan bukanlah jalan raya atau bangunan besar, hospital dan berbagai kemudahan awam; ini semua adalah alat kelengkapan bagi pembangunan yang hakiki. Yang dimaksudkan dengan pembangunan ialah peribadi dan mutu hidup manusia yang menggunakan alat kelengkapan ini. Pembangunan adalah kesejahteraan yang dicapai melalui kesejahteraan hidup dan ketenteraman kerohanian. Dengan perkataan lain, pembangunan adalah proses untuk memupuk masyarakat manusia yang berperadaban tinggi dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mulia untuk kebahagiaan umat manusia.

65. Usaha-usaha kita untuk membangunkan negara adalah dengan tujuan untuk memupuk Bangsa Malaysia yang mempunyai ciri-ciri perseimbangan daripada segi material dan spiritual. Sesuatu program atau projek tidaklah diwujudkan semata-mata untuk kita berseronok-seronok tetapi supaya kita hidup terpelihara daripada tekanan dan ancaman yang mana ini akan memesongkan fikiran kita daripada kehendak dan ajaran agama kita. Dalam keadaan yang tenang dapatlah kita membuat amal ibadat dengan sempurna.

66. Dalam suasana dunia yang bergolak, dan nilai-nilai kemanusiaan dicabul dan tidak langsung diberi perhatian oleh setengah-setengah pihak, kita menanggung satu beban yang berat bukan sahaja untuk menyelamatkan diri kita daripada gejala-gejala buruk yang mempengaruhi zaman kita

ini, tetapi juga untuk membantu usaha-usaha bagi mewujudkan suasana yang lebih aman dan bahagia di dunia. Saudara saudari sekalian, (Dadah)

67. Masalah dadah telah menjadi satu masalah yang amat membimbangkan. Jika sesuatu tindakan tegas tidak diambil bagi mengatasi masalah ini, kita mungkin akan gagal dalam semua usaha kita dan mungkin pula negara kita akan hancur akhirnya. Bermula dengan kempen pencegahan dadah awal tahun ini, usaha-usaha baru sedang dijalankan untuk mempertingkatkan lagi kemampuan kita bagi membanteras masalah ini. Namun demikian, masalah yang besar ini tidak mungkin dapat kita atasi jika rakyat sendiri tidak sama-sama memeranginya dengan satu tindakan yang bersepadu.

68. Mungkin kita tidak dapat menyelamatkan mereka yang telah terperangkap dalam ketagihan dadah. Penagih dadah adalah bangkai bernyawa yang akan terus menjadi beban kepada masyarakat. Tetapi, kita masih dapat menyelamatkan mereka yang belum terlibat dan anak-anak yang belum terjerumus ke dalam jenayah ini. Cara yang boleh menyelamatkan mereka ialah dengan sama-sama berusaha menyediakan persekitaran sosial kita yang tidak mengasingkan mereka ini dan dengan cara melengkapkan mereka dengan pengetahuan tentang bahaya dan akibat dadah.

69. Dalam perkara ini, adalah penting tiap-tiap keluarga menentukan didikan moral yang baik bagi anggota keluarga yang masih muda dan mengawasi gerak-geri mereka sepanjang masa. Penyerapan nilai-nilai Barat yang menekankan kebebasan individu dan membelakangkan keluarga dan masyarakat tidak harus dipupuk oleh ibu bapa, atau sekolah atau universiti. Di mana-mana juga kita dapati kebebasan dan keutamaan bagi individu berlaku tanpa sekatan di situlah terdapat keruntuhan akhlak dan jenayah dadah. Oleh itu, kita semua harus berusaha untuk kembali kepada nilai-nilai kita yang lama seperti menghormati ibu bapa dan orang tua dan menjunjung adat berkenaan perhubungan di dalam masyarakat. Insya-Allah, dengan cara ini kita akan dapat mengatasi jenayah dadah. Saudara saudari sekalian, (Hubungan Luar)

70. Sebagaimana yang saya jelaskan dalam ucapan saya tahun lalu, kita mempunyai keutamaan-keutamaan tertentu dalam hubungan kita dengan negara-negara lain. Asas dasar luar kita ialah untuk bersahabat dengan semua negara yang ingin bersahabat dengan kita.

71. Tetapi, yang kita pentingkan di dalam persahabatan kita ialah semangat persaudaraan yang tulen di mana kedua-dua pihak harus hormat-menghormati dan memberi nilai yang tinggi kepada kebebasan dan kedaulatan negara masing-masing. Bagi kita, kita mahukan perhubungan kita terjalin mengikut prinsip-prinsip hubungan antarabangsa di mana kita tidak bimbang walaupun kita lemah dan kecil.

72. Pengalaman telah menunjukkan bagaimana setengah-setengah negara hanya manis di bibir sahaja. Kerana ideologi dan kepentingan diri, ada yang sanggup menjadi talam dua muka. Kalau kita tidak sukakan sifat sedemikian kita juga tidak harus mengamalkannya. Itulah sebabnya kita mencuba seberapa daya yang boleh untuk mengadakan hubungan yang erat melalui kerjasama yang sama-sama menguntungkan kedua-dua pihak. Anggapan bahawa kita adalah "recipient" atau penerima, dan mereka adalah "donors" atau pemberi tidak ada tempat dalam hubungan kita dengan negara lain.

73. Program bantuan teknik Malaysia, walaupun dengan satu tabungan yang kecil, adalah diasaskan kepada kejujuran kita untuk mempraktikkan prinsip-prinsip yang kita sanjung tinggi. Bantuan yang diberi melalui program ini tidak menjadikan kita sebagai pemberi atau "donor" kerana ia merupakan satu jenis kerjasama yang bermakna yang tidak menghinakan pihak penerima. Kita tahu mereka juga boleh membantu kita. Lawatan saya ke negara-negara Pasifik Selatan dan negara-negara Bangladesh, Sri Lanka dan Maldives baru-baru ini telah mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama kita dengan negara-negara yang saling hormat-menghormati satu sama lain.

74. Pendirian kita terhadap masalah-masalah Kampuchea, Afghanistan dan Palestin tetap tegas. Kuasa-kuasa besar harus bersikap serius dan jujur bagi membantu mengatasi masalah-masalah ini di akar umbinya. Sebenarnya, masalah-masalah ini, jika dibenarkan berterusan, dapat menjejaskan kedudukan kuasa-kuasa besar sendiri. Bagi kita umat Islam, kita yakin Allah Subhanahu Wataala tetap bersama pihak yang benar.

75. Desakan yang kita buat supaya Benua Antartika diwarisi oleh semua umat manusia diasaskan kepada keadilan. Jika wilayah yang dijajah harus diberi balik kepada penduduknya wilayah yang tidak ada penduduk tentulah menjadi hak seluruh umat manusia. Oleh itu kita akan teruskan usaha

kita untuk membebaskan Antartika dari dieksploitasi oleh negara-negara tertentu sahaja.

76. Perhubungan kita dengan beberapa negara terkemuka di Barat adalah mengikut peraturan. Sementara kita tidak anti mereka, kita juga tidak ingin menjadi satelit mereka. Sebagai negara yang bebas, Malaysia akan menghormati semua mereka yang menghormati kita. Malaysia adalah negara yang berkecuali. Saudara saudara sekalian, (Nilai-nilai Islam)

77. Akhir-akhir ini, apa yang dikatakan sebagai usaha untuk menyerapkan nilai-nilai Islam di Malaysia telah menimbulkan berbagai-bagai reaksi. Ada pihak yang menganggap usaha ini sebagai tindakan radikal untuk mengislamkan orang-orang bukan Islam di negara ini. Setengah-setengah pihak pula menganggap ini sebagai permulaan kepada satu proses revolusi Islam. Di samping itu, ada pula yang memperolok-olokkan tindakan-tindakan Kerajaan seolah-olah usaha-usaha Kerajaan itu cuma hendak mengaburkan mata rakyat semata-mata. Ada pula, yang dengan tujuan-tujuan tertentu, cuba mengecam usaha-usaha Kerajaan sebagai tidak jujur dan semata-mata dibuat kerana kepentingan politik.

78. Usaha-usaha ke arah menyerap nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, yang bermakna menyerap nilai-nilai moral yang tinggi, adalah berdasarkan rasional bahawa sesebuah negara tidak mungkin mencapai dan menjamin kebahagiaan keculi dengan nilai-nilai tinggi ini. Kita faham bahawa yang membezakan manusia dengan haiwan ialah akal fikiran dan nilai-nilai kemanusiaan. Islam mementingkan kedua-duanya dan itulah sebabnya kita menjadikan usaha menerap nilai-nilai Islam sebagai teras kebahagiaan dan masa depan kita. Sesungguhnya, semua nilai Islam tidaklah berbeza daripada nilai-nilai yang tinggi dan baik yang diterima oleh alam sejagat. Cuma mereka yang sudah membelakangkan nilai-nilai moral yang wajar sahaja yang akan berasa terancam dengan hasrat Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan dan gerak-geri negara. Rakyat tidak perlu khuatir dengan telatah beberapa kumpulan ekstremis kerana itu bukanlah dari ajaran Islam yang sebenar dan Kerajaan tidak berminat untuk menyerap amalan-amalan mereka.

79. Usaha-usaha ini bukanlah untuk menakut-nakutkan setengah-setengah pihak, dan ia juga bukan untuk memaksa rakyat bukan Islam menjadi Islam. Islam tidak menganjurkan paksaan, dan Islam juga tidak mendapat untung jika mereka memeluk Islam kerana dipaksa, kerana takut atau kerana

muslihat-muslihat tertentu. Yang kita mahu ialah umat Islam benar-benar mengamalkan nilai-nilai Islam, dan yang bukan Islam mengamalkan nilai-nilai mulia yang sudah tentu tidak bertentangan dengan nilai Islam dan dapat hidup dalam suasana aman maju, harmoni dan bahagia.

80. Ada orang yang berpendapat bahawa adakan sahaja undang-undang Islam dan semua orang Islam akan menjadi orang Islam yang beriman dan bertakwa. Cara ini sebenarnya akan menghasilkan orang-orang Islam cuma pada zahirnya. Mereka akan lari ke sana sini dalam usaha mereka untuk mengelak daripada undang-undang Islam. Dengan ini maka peristiwa-peristiwa yang memalukan berlakulah di negara-negara bukan Islam di mana orang Islam suka pergi. Orang Islam akan berasa "committed" kepada agama Islam jika sekiranya mereka diberi penjelasan tentang kehendak agama Islam yang sebenar. Perbuatan menyembunyi atau memutar belit ayat-ayat Al-Quran dan hadis Nabi kerana didapati tidak secocok dengan pendirian orang-orang tertentu tidak akan menolong meyakinkan orang Islam sehingga mereka berpegang kuat kepada Islam di mana juga mereka berada. Oleh itu, Kerajaan Malaysia akan terus berusaha menjelaskan agama Islam yang benar walau apa sekalipun tuduhan dibuat oleh mereka yang berkepentingan. Sesungguhnya, Islam ialah agama kesederhanaan dan bebas daripada sebarang paksaan. Saudara saudari sekalian, (Penutup)

81. Di tengah-tengah masyarakat Islam dan dunia Islam terdapat pertubuhan kita UMNO. Jika pada hari ini negara kita tidak dilanda oleh berbagai malapetaka buatan manusia, sebabnya ialah kerana UMNO adalah parti politik yang sederhana, satu sifat yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala. Berkat dari kesederhanaan inilah maka orang Islam di Malaysia terpelihara daripada bermacam-macam tekanan dan penindasan. Berkat daripada kesederhanaan yang sama, yang berasas kepada ajaran Al-Quran, hadis dan sunah Nabi yang sahih, dan sejarah pemerintahan Islam pada zaman kegemilangannya, maka semua kaum dan penganut agama lain hidup sejahtera dan terlindung di Malaysia. Saudara saudari sekalian,

82. Tidak ada sesiapa pun yang akan mencabar dakwaan bahawa sehingga sekarang Malaysia tenang, tenteram serta makmur kerana UMNO memerintah melalui kedudukannya sebagai parti yang terkanan dan terbesar dalam Kerajaan- Kerajaan campuran yang telah ditubuh sejak 1955. Orang yang waras daripada semua kaum tidak berhajat untuk melihat UMNO

menjadi lemah dan porak-peranda. Tentulah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memelihara kestabilan dan kekuatan UMNO ini.

83. Kita telah memilih sistem demokrasi dalam susunan serta pentadbiran UMNO. Kita tidak syak bahawa sistem inilah yang paling sesuai dan berkesan bagi mencapai cita-cita kita. Tetapi harus kita ingat bahawa pertubuhan-pertubuhan lain, bahkan negara-negara lain telah menerima demokrasi tanpa mencapai kejayaan. Sebenarnya banyak pengamal sistem demokrasi dewasa ini menjadi lemah dan berpecah antara sesama sendiri. Saya syorkan saudara saudari membuat senarai nama-nama parti dan nama-nama negara yang menerima sistem demokrasi tetapi hari ini lumpuh atau hancur.

84. Maksud saya ialah sistem walau betapa baik sekalipun dengan sendirinya tidak menjamin kejayaan. Akhirnya, yang menentukan kejayaan ialah pengamal sistem itu yang sedar bahawa peruntukan dalam sistem itu perlu diguna dengan membelakangkan nafsu dan mengutamakan semangat penubuhan badan yang berkenaan.

85. UMNO, sejak ianya ditubuh hampir 38 tahun dahulu telah mengamalkan beberapa amalan yang sekarang ini menjadi adat dan tradisi dalam UMNO. Hak yang diberi dalam Perlembagaan UMNO tidak diguna dengan sewenang-wenangnya, terutama di peringkat pucuk kepimpinan, iaitu Majlis Tertinggi. Beberapa Bahagian dan Cawangan UMNO telah lumpuh kerana terlalu ghairah dengan hak demokrasi tetapi tidak menghiraukan adat resam dan tradisi. Tetapi, umumnya, adat dan tradisi disanjung tinggi dan diamal oleh UMNO dari peringkat cawangan hinggalah ke peringkat Perhimpunan Agung UMNO. Pegangan kepada adat resam dan tradisi inilah yang membawa kejayaan kepada UMNO dan seterusnya kepada negara Malaysia.

86. Pada masa-masa yang akhir ini terdapat satu kegiatan yang tidak mencerminkan pegangan kepada tradisi dan adat. Atas nama demokrasi kononnya, adat dan tradisi dibelakangkan. Mungkin ada orang yang berminat kepada jawatan-jawatan tertentu dalam Parti dan Kerajaan. Tetapi yang ghairah sekali ialah orang-orang kanan bakal-bakal calon ini. Tidak ada had dan batasan apabila orang-orang ini berkempen. Bahawa akibatnya ialah kehancuran parti tidak sama sekali dihiraukan. Bagi mereka yang utama ialah status dan pengaruh yang akan didapati oleh mereka jika calon mereka mendapat kemenangan. Sebab itu, hampir dua

tahun sebelum pemilihan Majlis Tertinggi mereka telah merancang dan menjalankan kempen mereka. Saudara saudari sekalian,

87. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhananu Wataala kerana dalam menjalankan tugas saya sebagai Presiden Parti dan Perdana Menteri, saya dibantu oleh rakan-rakan yang cekap dalam menjalankan tugas yang diserahkan kepada mereka. Bersama-sama dengan Dato Musa sebagai Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri, satu "team" yang berkesan telah diwujudkan untuk membuat beberapa perubahan yang dianggap penting untuk kesejahteraan negara. Saya mengucapkan terima kasih kepada perwakilan 1981 yang memilih seorang Timbalan Presiden yang boleh bekerjasama sebagai satu "team" dengan saya. Dengan kerjasama ini maka kepimpinan menjadi lebih mudah dan berkesan.

88. Setiap orang daripada anggota Majlis Tertinggi dan Jemaah Menteri mempunyai peranan yang penting dalam jawatan masing-masing. Walaupun ramalan-ramalan kerap dibuat tentang rombakan Kabinet, seperti saudara saudari maklum, tidak banyak perubahan yang dibuat, melainkan pengisian jawatan-jawatan yang kosong. Sebabnya ialah kerana pertukaran tidak dilakukan semata-mata kerana inginkan pertukaran, tetapi sebaliknya kestabilan adalah dianggap lebih utama. Penggunaan kuasa tidak dibuat kerana kuasa ada di tangan tetapi cuma apabila kuasa perlu digunakan. Kaedahnya adalah sama dengan amalan sistem demokrasi. Bukanlah kerana hak diberi oleh demokrasi maka hak ini mesti digunakan. Kuasa, seperti juga hak, mesti digunakan dengan penuh tanggungjawab dan kebijaksanaan.

89. "Team spirit" atau semangat pasukan perlu ada jika sesuatu pasukan itu ingin mencapai kejayaan. Jika seseorang daripada ahli pasukan mempunyai cita-cita atau "ambition" yang tersendiri dan membelakangkan pasukan, maka alamatnya ialah pasukan itu akan gagal. Sehingga kini, walaupun ada khabar angin yang berkata si polan si polan mempunyai "ambition" yang bertentangan dengan "team" dan ketua pasukan tetapi saya percaya akhirnya kepentingan pasukan akan mendapat kesetiaan.

90. Saya ingin memberi amaran kepada beberapa orang "leftenan" yang terlalu ghairah berkempen. Kedudukan mereka dalam Kerajaan bukanlah begitu kemas. Oleh itu, berhati-hatilah. Tuan-tuan dan puan-puan,

91. UMNO adalah kepunyaan semua ahli UMNO. Sama ada UMNO akan terus kuat dan berjaya atau gagal dan hancur lebur cuma ahli UMNO sahaja yang boleh menentukan. Kepimpinan cuma merupakan alat yang diamanahkan oleh ahli melalui kuasa yang tertinggi sekali dalam Parti, iaitu Perhimpunan Agung UMNO. Oleh itu, berhati-hatilah, terutama pada tahun 1984. Janganlah kerana kepentingan seseorang maka nasi menjadi bubur.

92. Bagi saya, tempat yang saya isikan ini tidak berguna melainkan untuk menentukan kepentingan UMNO dipelihara bersama dengan kepentingan agama dan negara. Yang penting dan utama bukan saya, tetapi UMNO. Segala-gala yang saya perkatakan dalam ucapan ini adalah untuk UMNO, bermakna juga untuk orang Melayu, untuk agama dan negara. Saudara saudari sekalian,

93. Saya telah menyentuh berbagai-bagai perkara dalam ucapan saya ini. Mungkin ada yang menyentuh perasaan, tetapi apa yang saya sebutkan adalah lahir dari hati yang ikhlas. Saya harap saudara saudari sekalian dapat memberi perhatian yang serius dan wajar kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan.

94. Saya telah berucap agak begitu panjang dan saya percaya ada di antara saudara saudari yang ternanti-nanti untuk membahasnya. Oleh itu, tanpa membuang masa, saya mengakhiri ucapan saya ini dengan mengucapkan kepada saudara saudari sekalian selamat bersidang dan selamat maju jaya.

WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMU 'ALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKTUH. UMNO dan demokrasi Bahaya Fitnah
Dunia yang bergolak Daya pengeluaran Persaudaraan dan
hubungan luar Persyarikatan Malaysia Penghayatan nilai
Islam Penutup